

D964

B 8300 DEB
PARLIMEN - PETRONAS

KUALA LUMPUR, 18 NOV (BERNAMA) -- PETRONAS AKAN MENSWASTAKAN PEMASANGAN SALURAN PAIP-PAIP KECIL KE RUMAH-RUMAH DI BAWAH PROJEK PENGGUNAAN BEKALAN GAS ASLI KERTIH, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT BAHAWA PLHAK SWASTA DI TEMPAT MASING-MASING AKAN BERPELUANG UNTUK MENYERTAI PENSWASTAAN PEMASANGAN SALURAN PAIP TERSEBUT APABILA TIBA MASANYA.

PERDANA MENTERI RAGAIMANAPUN BERKATA PETRONAS TIDAK BERHASRAT UNTUK MENSWASTAKAN PEMASANGAN SALURAN UTAMA BEKALAN GAS DI BAWAH PROJEK ITU, MEMANDANGKAN IA AMAT MENGUNTINGKAN.

KATANYA, PEMBINAAN SALURAN PAIP BESAR DI BAWAH PROJEK HERHARCA \$11300 JUTA ITU AKAN DILAKSANAKAN OLEH PETRONAS SENDIRI DENGAN PERBELANJAANNYA SENDIRI KERANA IA JUGA MEMPUNYAI WANG YANG CUKUP.

BELIAU MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DATUK HAJI MOHAMAD ABUBAKAR RAUTIN IBRAHIM (BN-KUALA KEDAH), SAMA ADA KERAJAAN, DALAM JANGKA MASA PANJANG AKAN MENSWASTAKAN PELAKSANAAN PROJEK PENGGUNAAN GAS ASLI SERKENAAN SERTA PEMBEKALANNYA KE RUMAH-RUMAH DAN APAKAH JAMINAN PIHRK SWASTA TEMPATAN DAPAT MENIKMATI FAEDAH DARIPADANYA. -- LAGI
1731MST 18 11 8 7

D967

U B303 DEB
PARLIMEN - PETRONAS 2 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN ASAL ENCIK TEH TEIK HUAT (DAP-BAGAN), DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAKUI BAHAWA PADA PERINGKAT AWAL PROJEK ITU, HANYA INDUSTRI-INDUSTRI YANG BERDEKATAN DENGAN LALUAN SALURAN PAIP GAS YANG AKAN MENDAPAT MANFAAT DARIPADA BEKALAN GAS TERSEBUT.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA HANYA DALAM JANGKA MASA PANJANG, GAS BERKENAAN AKAN DIBEKALKAN KE SETIAP NEGERI.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN TIDAK BERSETUJU DENGAN DAKWAAN ANGGOTA ITU BAHAWA PELAKSANAAN PROJEK ITU SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT AKAN MEMIMBULKAN PERSAINGAN YANG TIDAK ADIL, YANG BOLEH MENGAKIBATKAN PENUTUPAN INDUSTRI-INDUSTRI YANG TIDAK MENDAPAT MANFAAT DARIPADA BEKALAN GAS ITU.

+ GAS HANYA SUMBER TENAGA ALTERNATIF KEPADA SUMBER TENAGA YANG SEDIA ADA SEPERTI ELEKTRIK YANG MANAKADARKOS PENGGUNAANNYA TELAH DITURUNKAN OLEH KERAJAAN BAGI FAEDAH SEMUA INDUSTRI, + JELAS BELIAU.

DENGAN INI PERSAINGAN YANG DIBERI OLEH SUMBER GAS ASLI AKAN MERUPAKAN PERSAINGAN YANG MARGINAL DAN TIDAK LAH BOLEH DIANGGAP SEBAGAI PERSAINGAN YANG TIDAK ADIL, TAMBAH BELIAU. -- LAGI

1737MST 1a 11 a7

D968

U B305 DEB
PARLIMEN - PETRONAS 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBENARNYA PRESTASI DAN KEJAYAAN SESUATU INDUSTRI JUGA BERGANTUNG KEPADA FAKTOR-FAKTOR LAIN TERMASUK YANG PENTINGIALAH PENGURUSAN YANG CEKAP UNTUK MEMBOLEHKANNYA BERSAING DENGAN JAYA.

MENGENAI KENAPA PROJEK ITU DILAKSANAKAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT, BELIAU BERKATA INI TERPAKSA DIBUAT KERANA PROJEK ITU BESAR DAN KOS YANG DIANGGARKAN \$1,300 JUTA.

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DATUK ZAKARIA ABDUL RAHMAN (BN-BESUT), BELIAU BERKATA PADA PERINGKAT PERTAMA PROJEK ITU, SALURAN GAS UTAMA AKAN DIBINA KE JANAKUASA-JANAKUASA ELEKTRIK YANG SEDIA ADA DI PANTAI BARAT DAN SELATAN SEMENANJUNG.

SELEPAS ITU BARULAH SALURAN GAS UTAMA AKAN DIBINA BAGI BEKALAN GAS KE RUMAH-RUMAH 01 NEGERI-NEGERI DAN INXPUN AKAN DILAKSANAKAN SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT. -- BERNAMA

1739MST 18 11 87